

NO. SOALAN : 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

SOALAN :

**YB. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) statistik kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2015 sehingga kini; dan
- (b) adakah ancaman penganas ISIS menjejaskan kedatangan pelancong ke negara Malaysia.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2015 sehingga kini adalah seperti berikut:

NO.	NEGARA	JANUARI - DISEMBER		
		2014	2015	PERTUMBUHAN %
1	SINGAPURA	13,932,967	12,930,754	(7.2)
2	INDONESIA	2,827,533	2,788,033	(1.4)
3	CHINA	1,613,355	1,677,163	4.0
4	THAILAND	1,299,298	1,343,569	3.4
5	BRUNEI DARUSSALAM	1,213,110	1,133,555	(6.6)
6	INDIA	770,108	722,141	(6.2)
7	FILIPINA	618,538	554,917	(10.3)
8	JEPUN	553,106	483,569	(12.6)
9	KOREA SELATAN	385,769	421,161	9.2
10	AUSTRALIA	571,328	486,948	(14.8)
11	UNITED KINGDOM	445,789	401,019	(10.0)
12	AMERIKA SYARIKAT	262,106	237,768	(9.3)
13	TAIWAN	274,665	283,224	3.1
14	VIETNAM	285,716	229,626	(19.6)
15	BANGLADESH	204,418	147,152	(28.0)
16	JERMAN	158,453	144,910	(8.5)
17	PERANCIS	169,973	151,474	(10.9)
18	KANADA	92,761	79,557	(14.2)
19	IRAN	72,264	65,066	(10.0)
20	SRI LANKA	61,670	51,337	(16.8)

NO.	NEGARA	JANUARI - DISEMBER		
		2014	2015	PERTUMBUHAN %
21	NEW ZEALAND	67,448	60,846	(9.8)
22	BELANDA	97,988	84,584	(13.7)
23	KEMBODIA	73,700	75,059	1.8
24	SWEDEN	38,127	35,586	(6.7)
25	ARAB SAUDI	113,921	99,754	(12.4)
26	PAKISTAN	97,144	69,112	(28.9)
27	RUSIA	61,845	55,263	(10.6)
28	MYANMAR	95,352	66,553	(30.2)
29	ITALI	55,210	51,946	(5.9)
30	AFRIKA SELATAN	22,667	20,625	(9.0)
31	NEPAL	159,144	93,159	(41.5)
32	MESIR	26,222	25,637	(2.2)
33	SWITZERLAND	30,556	28,141	(7.9)
34	LAOS	26,627	24,448	(8.2)
35	IRAQ	27,124	20,098	(25.9)
36	UAE	19,772	15,769	(20.2)
37	SEPANYOL	35,389	36,692	3.7
38	OMAN	34,534	31,934	(7.5)
39	DENMARK	27,703	24,113	(13.0)
40	IRELAND	27,322	22,746	(16.7)
41	NORWAY	22,339	18,622	(16.6)
42	TURKI	16,493	15,395	(6.7)
43	BELGIUM	21,309	18,789	(11.8)
44	KAZAKHSTAN	18,072	15,410	(14.7)
45	KUWAIT	20,853	15,871	(23.9)
46	LAIN-LAIN	387,527	362,156	(6.5)
JUMLAH		27,437,315	25,721,251	(6.3)

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman penganas ISIS di beberapa negara luar tidak menjejaskan sektor pelancongan di negara ini. Sebaliknya, Malaysia dilihat terus menjadi tumpuan pelancong antarabangsa. Kementerian ini akan terus memantau jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia, namun Kementerian ini yakin keadaan ini tidak akan memberi kesan negatif kepada ketibaan pelancong ke Malaysia. Pihak Keselamatan Dalam Negeri juga mengambil langkah-langkah pro-aktif bagi menjamin keadaan keselamatan dalam Malaysia bagi orang awam dan juga pelancong yang datang ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**
[SETIAWANGSA]
SOALAN : **76**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kesinambungan Program Angkasawan Negara Malaysia yang dilaksanakan pada tahun 2006 dan adakah Kementerian dalam perancangan untuk menghantar angkasawan Malaysia yang kedua ke angkasa lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Angkasawan Negara Pertama (PAN-1) telah berjaya dilaksanakan pada Oktober 2007 yang mana Malaysia telah berjaya menghantar seorang angkasawan ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Selepas pelaksanaan program PAN-1, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) telah meneruskan aktiviti penyelidikan sains mikrograviti.

Di antara aktiviti-aktiviti penyelidikan mikrograviti yang telah dijalankan adalah seperti kerjasama Kementerian dengan *Institute for Bio-Medical*

Problems (IBMP), Russia di bawah program MARS500. Kementerian juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Jepun menerusi *Japan Aerospace Exploration Agency* (JAXA) dalam menjalankan eksperimen sains mikrograviti menggunakan teknik penerbangan parabolik (*parabolic flight*) serta eksperimen penghabluran protein dan ujikaji pertanian di Stesen Angkasa Antarabangsa. Selain daripada penyelidikan dan kerjasama antarabangsa, beberapa kajian mikrograviti juga sedang giat dijalankan secara *ground based* oleh penyelidik tempatan dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Penyelidikan Bioperubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UMBI, UKM) serta Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) menggunakan peralatan khas.

MOSTI telah menjenama semula Program PAN-2 kepada Program Mikrograviti Negara (PMN). Program ini memberi tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk pembangunan kapasiti, fasiliti dan peningkatan tahap kesediaan negara dalam bidang mikrograviti. Ini termasuklah program-program dan aktiviti pendidikan berkaitan mikrograviti di peringkat sekolah mahupun universiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisme pelaksanaan PMN hanya melibatkan penghantaran sampel penyelidikan mikrograviti ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) **tanpa melibatkan** penghantaran angkasawan negara. Program PMN adalah lebih ekonomik dan memerlukan kos yang jauh lebih rendah berbanding dengan kos penghantaran angkasawan. Pendekatan pelaksanaan PMN adalah lebih ekonomik dan manfaat hasil penyelidikan adalah sama seperti penghantaran angkasawan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang

Berhormat, kos program PMN dianggarkan sekitar RM1.5 juta hingga RM5 juta sahaja berbanding kos penghantaran angkasawan yang dianggarkan sekitar RM150 juta hingga RM190 juta.

Sekian, terima kasih.